



JASAD seorang daripada mangsa virus rabies, Jackson Mazlan, 4, dibawa keluar dari bilik mayat Hospital Umum Sarawak baru-baru ini.



INDIVIDU yang terdedah kepada risiko gigitan anjing perlu diberi vaksin sebagai langkah berjaga-jaga.

Alicesa meninggal dunia selepas lebih sebulan digigit anjing di Sarawak

Virus rabies ragut nyawa ketiga

KOSMO! melaporkan kes kematian terbaharu seorang kanak-kanak akibat virus rabies pada Jumaat lalu.

Seorang kanak-kanak berusia empat tahun meninggal dunia selepas lebih sebulan digigit anjing di Sarawak. Kematian ini menambah kepada dua kes kematian akibat virus rabies yang dilaporkan di Sarawak pada tahun 2015.

Kematian ini berlaku pada Jumaat (19 Julai) di Hospital Umum Sarawak. Kanak-kanak tersebut, Alicesa Lovenna, 5, meninggal dunia selepas lebih sebulan digigit anjing di Sarawak.

Menurut Dr. Nurul Azmawati, Pakar Mikrobiologi Klinikal Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Nurul Azmawati Mohamed berkata, penyakit itu disebabkan oleh virus rabies yang berupaya menyerang sistem saraf.

Menurutnya, virus merebak kepada manusia melalui gigitan haiwan yang dijangkiti seperti anjing dan kelawar. Secara amnya, tempoh inkubasi atau tempoh antara gigitan anjing dan permulaan gejala penyakit adalah dari 20 hingga ke 90 hari.

"Ini bergantung kepada saiz luka dan tempat gigitan dengan otak, semakin cepat gejala penyakit akan terjadi.

"Contohnya, seseorang yang digigit pada bahagian kaki akan menunjukkan gejala penyakit dua bulan lebih lewat daripada rakannya yang digigit pada bahagian pipi.

"Ini kerana, virus rabies bergerak secara perlahan melalui urat saraf periferi, kemudian ke saraf tunjang, otak dan organ-organ lain seperti ginjal dan kelenjar liur," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Gejala awal termasuk demam, sakit kepala dan kelesuan. Ini diikuti dengan rasa kebas pada tempat gigitan dan perubahan personaliti. Terdapat pesakit yang mengalami gejala *furious rabies* iaitu takut pada air, sawan, meracau dan keresahan.

Pesakit juga boleh mencapai klasifikasi *paralytic rabies* di mana virus itu berupaya menyebabkan lumpuh. Selepas dua minggu, pesakit akan mengalami koma dan majoriti pesakit meninggal dunia walaupun mendapat rawatan sokongan yang maksimum.

Penyakit anjing gila dapat dicegah dengan rawatan awal.

Individu yang digigit anjing harus segera mencuci kawasan luka dengan air bersih serta sabun dan segera mendapatkan rawatan doktor.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam USIM, Dr. Mohd. Dzulkhairi Mohd. Rani berkata, oleh kerana tanda-tanda jangkitan ditunjukkan selepas satu hingga tiga bulan gigitan, mangsa mungkin kelihatan sihat dan bebas melepasi sempadan negara.

"Perkongsian maklumat berkenaan statistik rabies antara negara serantau terutamanya negara jiran adalah perlu. Ini memandangkan jangka masa jangkitan menunjukkan tanda-tanda penyakit mengambil masa yang lama selepas gigitan.

"Pencegahan paling berkesan memberikan vaksin rabies kepada anjing peliharaan supaya tidak mendapat jangkitan rabies daripada anjing liar. Selain itu, kawalan penyakit ini boleh dilakukan dengan mengenalpasti dan memusnahkan anjing yang dijangkiti," katanya.

Tambahnya, golongan berisiko seperti pengendali pusat jagaan haiwan, petugas yang terlibat dalam kawalan anjing liar serta pekerja pembersihan taman awam yang mungkin terdedah kepada gigitan anjing yang dijangkiti perlu diberi vaksin sebagai langkah berjaga-jaga.

KERATAN akhbar *Kosmo!* melaporkan kes kematian terbaharu seorang kanak-kanak akibat virus rabies pada Jumaat lalu.

TALIM
Bersama
MOHD. DZIAULHAQ
HASHIM
Pegawai Dakwah
PPZ-MAWP

PPZ
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
MAWP

TANPA menghiraukan anggota bertugas, orang ramai mengutip duit syiling yang bertaburan di Pedas, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Mengutip wang syiling mangsa kemalangan

SOALAN:
SAYA pernah melihat sekumpulan individu mengutip duit syiling yang bertaburan di atas jalan raya selepas berlaku kemalangan. Bagaimana pandangan Islam berkenaan perkara ini?

JAWAPAN:
WANG yang bertaburan di jalan raya masih dalam milik pihak atau individu yang terlibat dalam kemalangan. Justeru, ditegah untuk orang luar mengambil kesempatan dengan mengutip wang itu untuk kegunaan peribadi.

Sesiapa yang telah mengambil wang tersebut perlulah memulangkan kembali wang berkenaan kepada pemiliknya. Rasulullah menegaskan perkara ini dalam sebuah hadis riwayat al-Tirmizi yang bermaksud: "Tidak halal bagi seseorang Muslim untuk menakutkan Muslim yang lain. Apabila mengambil hak milik saudaranya yang lain, wajiblah memulangkannya kembali."

Seandainya tidak diketahui siapa pemiliknya, maka harta yang ditemui dinamakan *luqathah*. *Luqathah* ialah harta yang hilang daripada tangan pemiliknya yang kemudian ditemukan orang lain.

Nabi Muhammad telah menjelaskan kaedah yang perlu dilakukan apabila seseorang menjumpai harta tanpa pemilik sebagaimana hadis riwayat Abu Daud yang bermaksud:

"Sesiapa yang menjumpai sesuatu harta, maka hendaklah dia memaklumkan kepada orang yang adil atau pihak berkuasa. Tidak boleh sama sekali menyembunyikan dan menghilangkannya.

"Sekiranya dapat menjumpai pemiliknya, wajiblah dia mengembalikannya. Jika gagal, maka harta tadi hakikatnya milik Allah yang dikurniakan kepada sesiapa yang diingini."

Kerana itu, Islam mengajar umatnya agar sentiasa berwaspada terhadap apa jua bentuk harta yang diterima dan mengikuti garis panduan serta prosedur yang digariskan hukum syarak.

Bahaya virus gigitan anjing

PADA tahun 2012, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan Malaysia bebas daripada penyakit anjing gila atau rabies. Begitupun, status tersebut dilucutkan setelah berlaku wabak membabitkan beberapa ekor anjing di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis pada tahun 2015.

Baru-baru ini negara dikejutkan dengan kematian dua beradik Jackson Mazlan, 4, dan kakaknya, Monica, 6, dari Kuching, Sarawak pada 2 Julai diikuti seorang lagi mangsa Alicesa Lovenna, 5, pada Jumaat lalu.

Pakar Mikrobiologi Klinikal Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Nurul Azmawati Mohamed berkata, penyakit itu disebabkan oleh virus rabies yang berupaya menyerang sistem saraf.

Menurutnya, virus merebak kepada manusia melalui gigitan haiwan yang dijangkiti seperti anjing dan kelawar. Secara amnya, tempoh inkubasi atau tempoh antara gigitan anjing dan permulaan gejala penyakit adalah dari 20 hingga ke 90 hari.

"Ini bergantung kepada saiz luka dan tempat gigitan. Semakin hampir tempat gigitan

MEDIK



NURUL AZMAWATI

menyebabkan perubahan personaliti. Terdapat pesakit yang mengalami gejala *furious rabies* iaitu takut pada air, sawan, meracau dan keresahan.

Pesakit juga boleh mencapai klasifikasi *paralytic rabies* di mana virus itu berupaya menyebabkan lumpuh. Selepas dua minggu, pesakit akan mengalami koma dan majoriti pesakit meninggal dunia walaupun mendapat rawatan sokongan yang maksimum.

Penyakit anjing gila dapat dicegah dengan rawatan awal.